

Malaysia ambil langkah hapus perbezaan jantina

BH 27 SEP 2000

KUALA LUMPUR, Selasa – Malaysia sudah mengambil langkah bagi menghapuskan segala halangan yang berasaskan jantina, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, kejayaan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), dengan peruntukan RM200 juta adalah contoh kepekaan kerajaan sekarang kepada fungsi dan keperluan wanita luar bandar.

“Peruntukan kerajaan sebanyak RM50 juta bagi melaksanakan projek perkongsian pintar untuk wanita dengan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) wanita, adalah satu lagi bukti kepekaan itu.

“Langkah selanjutnya mesti dilakukan untuk memastikan wanita dimasukkan dalam arus utama, dan

Belanjawan untuk wanita akan diberikan keutamaan tertinggi,” katanya merasakan mesyuarat kedua Jawatankuasa Pemandu Serantau bagi Kemajuan Ekonomi Wanita Desa Dan Kepulauan Asia-Pasifik (RSC-AP) hari ini.

Mesyuarat dua hari bertemakan “Wanita Luar Bandar dan Kepulauan: Kemiskinan dan Kekuasaan” itu bertujuan meningkatkan usaha kebajikan dan membasmi kemiskinan wanita luar bandar dan keluarga, di negara anggota.

Sejak ditubuhkan pada 17 September 1987, AIM adalah antara badan bukan kerajaan (NGO) yang prihatin terhadap nasib golongan miskin. Selama tempoh 13 tahun ia beroperasi, AIM berjaya me-

ngubah nasib golongan itu daripada bergantung sepenuhnya kepada kerajaan.

AIM membuka skim pembiayaan ekonominya khusus untuk wanita kerana kajian mendapati 99 peratus peminjam wanita mudah membayar balik pinjaman, berbanding lelaki. Melalui pembiayaan AIM itu, lebih 50,000 wanita berjaya menceburi kegiatan yang boleh menambah pendapatan keluarga.

Dr Mahathir berkata, kerajaan turut berusaha meningkatkan pengetahuan dan kemahiran terutama dalam bidang teknikal, komunikasi dan pengurusan.

Katanya, capaian kepada teknologi termasuk teknologi maklumat komunikasi (ICT) adalah syarat penting kepada pembangunan ekonomi berasaskan

pengetahuan atau k-ekonomi.

Di Malaysia, dua projek perintis mengenai celik komputer/penggunaan Internet, sudah dilancarkan untuk mendidik wanita luar bandar kepada institusi mikro kredit.

Kerajaan juga katanya, mengalakkan keluarga untuk memiliki komputer termasuk keluar di luar bandar.

“Langkah awal untuk merapatkan jurang digital di antara penduduk bandar dan luar bandar sudah dikendalikan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar dengan melancarkan program satu komputer, satu kampung. Ini adalah tambahan kepada program komputer sekolah Kementerian Pendidikan,” katanya.